

05/10/2001

Pas sedia bincang takrif negara Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Pas sedia menyahut cabaran Umno untuk berdialog secara ilmiah mengenai takrif negara Islam, kata Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Terengganu hari ini, beliau berkata, Umno boleh menentukan masa serta tempat dan Pas akan hadir untuk tujuan berkenaan.

"Kita tidak perlu syarat kerana perbincangan ini lebih kepada ilmiah dan perbincangan ini bukan untuk mencari kemenangan tetapi kebenaran," katanya.

Abdul Hadi berkata, Pas ada pakar yang boleh membincangkannya secara ilmiah dan jika perlu boleh sedia membawa pakar berwibawa dari luar.

Semalam, Pengerusi Biro Agama Umno, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, dilaporkan berkata, Umno sedia berdialog dengan Pas mengenai takrif negara Islam bagi mengelakkan kekeliruan rakyat.

Dr Abdul Hamid berkata, perbincangan secara ilmiah itu membolehkan rakyat mendapatkan penjelasan mengenai keutamaan dan syarat penubuhan sebuah negara Islam.

Ditanya kemungkinan Pas mencadangkan satu usul di Parlimen untuk membincangkan isu berkenaan, Abdul Hadi berkata, adalah mencukupi jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam dalam ucapan dasarnya atau ketika membahaskan ucapan Yang di-Pertuan Agong di Parlimen.

Dengan cara itu, katanya, akan membolehkan semua ahli Parlimen membincangkannya sepanjang persidangan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, berkata partinya sedia berdialog secara ilmiah mengenai takrif negara Islam tetapi ia tidak perlu mengaitkan dengan isu lain.

"Tajuk yang disarankan kali ini lebih spesifik kepada Islam dan kita tidak perlu mengaitkan dengan lain seperti isu perpaduan Melayu," katanya.

Nasharudin berkata, sepanjang sejarah isu dialog atau debat dibangkitkan, sesi dialog, perdebatan atau muzakarah hanya dilakukan melalui media.

"Belum pernah terjadi pertemuan empat mata atau bersemuka antara Umno dan Pas... diharap kali ini ia benar-benar terjadi dan tidak dibatalkan pada saat akhir," katanya.

Beliau berkata, Pas akan menentukan siapa bakal mewakili parti itu untuk menghadiri sesi dialog berkenaan kelak.

"Kalau Umno mahu Presiden Pas untuk hadir berdialog, mereka perlu pastikan Presiden Umno akan hadir ke sesi dialog itu, begitu juga sebaliknya barulah adil namanya," katanya.

Nasharuddin bagaimanapun berkata, pihaknya ingin sesi dialog itu diadakan secara terbuka kepada orang ramai dan disiarkan secara langsung di televisyen supaya mereka dapat mendengar dan melihat sendiri perbincangan yang diadakan.

"Adakan di tempat terbuka seperti Stadium Bukit Jalil supaya orang ramai dapat mendengar sendiri dan memahami apa yang ingin kami sampaikan mengenai isu ini," katanya.

(END)